

**TEKS UCAPAN DASAR SDR. DOMINIC LAU HOE CHAI
PRESIDEN NASIONAL PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA
PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL KE-51, 2022
SABTU, 25 MAC 2023**

Saudara dan Saudari, Para Perwakilan sekalian,

Salam Hormat, Salam SATU HATI dan Salam Perikatan kepada anda semua, rakan seperjuangan Parti Gerakan Rakyat Malaysia yang bersama dengan kita pada pagi ini. Turut bersama kita adalah penasihat, jawatankuasa kepimpinan parti dari pusat kepada negeri, bahagian dan cawangan. Selamat datang juga kepada def-def jemputan, para pemerhati dan rakan-rakan media sekalian. Dengan segala hormatnya, saya ingin mengalu-alukan anda semua ke Persidangan Perwakilan Nasional yang ke-51 bagi Parti Gerakan Rakyat Malaysia.

Terlebih dahulu, saya ingin memohon maaf dan merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang beragama Islam yang turut memberi sokongan kehadiran pada bulan Ramadhan yang mulia ini. Hendaklah saya berkongsi mengapa hari ini merupakan hari yang istimewa bagi Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Pada 24 Mac 1968, Parti Gerakan Rakyat Malaysia ditubuhkan dan menjadikan hasrat mulia parti ini untuk mewakili suara rakyat Malaysia dalam misi membina negara Malaysia yang harmoni, adil dan liberalisme budayanya. Hadirin sekalian, 55 tahun sudah berlalu, kehadiran anda pada hari ini adalah bukti Parti Gerakan Rakyat Malaysia masih berdiri teguh dalam arus perdana politik dan komited dalam membina politik yang matang dan berguna kepada rakyat!

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada jentera kita yang tidak putus tenaga dalam menegakkan usaha Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Sebagai sebuah parti politik, kita telah bersama melalui saat kegemilangan dan kemenangan yang masih indah dalam kenangan. Kita juga pernah melalui saat-saat yang menghampakan yang boleh dijadikan teladan. Walaubagaimanapun, tidak pernah kita kecundang

dalam keyakinan kita. Hasrat parti memperjuangkan nilai-nilai yang baik seperti kejujuran, integriti dan kemampuan telah terbukti dari semasa ke semasa. GERAKAN sentiasa peka dan sudi mendengar keluhan, kritikan dan kemahuan rakyat, malahan, rakyat telah menjadi unsur semangat dan kekuatan parti untuk terus bersinar di dalam arena politik.

USAHA AWAL PARTI GERAKAN; 1968 – 1972

Sudah kian lama, Parti Gerakan Rakyat Malaysia telah membina persefahaman yang kuat di antara masyarakat Pulau Pinang dan beberapa negeri yang lain. Hadirin sekalian, kita telah bertanding di dalam beberapa pilihan raya negeri dan umum sejak tahun penubuhan parti. GERAKAN telah berkembang daripada mulanya hanya mempunyai beberapa cawangan yang tidak lebih daripada 50 pada tahun pertubuhan 1968. Walaupun baru ditubuhkan dan mempunyai kekangan sumber kewangan, akan tetapi semangat ahli-ahli GERAKAN teguh berkobar. GERAKAN tidak gentar untuk menjunjung bendera dan bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-tiga pada tahun 1969. Hasil usaha jentera parti pada masa itu telah membuahkan keputusan pilihan raya yang baik dengan memenangi 16 daripada 24 kerusi negeri dan berjaya menubuhkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kemenangan yang diperolehi daripada pilihan raya itu juga menunjukkan untuk pertama kalinya, GERAKAN, sebuah parti yang tidak berteraskan kepada perkauman disambut baik oleh rakyat. Namun, GERAKAN dicabar dengan demokrasi parlimen gantung berikutan peristiwa hitam, Rusuhan 13 Mei dan ahli yang terpilih tidak berpeluang menjalankan amanah mereka kepada negara yang dicintainya. Walaupun perwakilan GERAKAN terkesan disebabkan beberapa cabaran pada masa itu, kita berazam untuk terus mara ke hadapan, bersama rakyat.

PENGALAMAN PAHIT-MANIS DI BAWAH BARISAN NASIONAL

Saudara dan Saudari, sudah termeterai di dalam objektif penubuhan Parti Gerakan Rakyat Malaysia untuk memperjuangkan sebuah

masyarakat Malaysia berasaskan prinsip demokrasi, dan keadilan sosial dan ekonomi. Mulai Pilihan Raya Umum ke-4, GERAKAN mula bergabung kuasa dengan Barisan Nasional dan berjaya mencalonkan beberapa calon untuk bertanding di kerusi peringkat negeri dan parlimen sehingga tahun 2018. Sejak 1974 hingga 2018, penggabungan di antara GERAKAN dan Barisan Nasional telah meninggalkan pengalaman yang pahit dan manis kepada kita.

Tidak dinafikan bahawa GERAKAN telah merekodkan kejayaan di dalam beberapa pilihan raya di bawah payung Barisan Nasional. Sepanjang 44 tahun, GERAKAN telah mendukung dan bekerjasama mengamalkan konsep politik yang diperkenalkan oleh Barisan Nasional. Malahan, tidak hairan bagaimana kejayaan ini telah berjaya menaikkan jumlah ahli GERAKAN dari pelbagai sudut masyarakat dan kita berjaya meraih populariti dalam kalangan rakyat marhaen.

Zaman 'Wawasan 2020' mempunyai potret kenangan manis bagi parti kita. GERAKAN telah memperkenalkan banyak projek besar seperti "Gerakan IT 2000" dan "Program Anak Malaysia" untuk membantu masyarakat Malaysia mencapai impian yang ditujukan. Pada tahun 2006, GERAKAN telah mencatat beberapa lagi pencapaian yang penting apabila kita telah menubuhkan Universiti Terbuka Wawasan, yang memberikan peluang melanjutkan pengajian kepada semua terutamanya mereka yang sedang bekerja. Kita juga telah menubuhkan sebuah institusi yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan dasar awam dan sosio-ekonomi yang memberi input untuk perbincangan politik mengenai hal ehwal nasional yang dinamakan sebagai Institut SEDAR. Selain daripada itu, GERAKAN juga telah menubuhkan Satu Akademi yang merupakan pusat latihan sukarelawan untuk ahli-ahli baru dan yang sedia ada, ia juga dijadikan sebagai platform pengajian politik ahli. Tidak dilupakan, pembinaan menara kedua (berkembar) GERAKAN, Menara PGRM 2 yang terletak bersebelahan dengan ibu pejabat parti juga merupakan usaha kejayaan parti pada masa tersebut.

Walaupun manis pengalaman dan kejayaan, GERAKAN tidak pernah melupakan kesilapan dan kenangan pahit yang masih berlegar dalam

memori. Tibalah, 9 Mei 2018 memberikan lembaran baru kepada kita untuk meneruskan misi parti dalam arus perdana politik. Kegagalan BN telah memberikan pendedahan dan pemahaman kepada kita untuk mewujudkan blok ketiga secara bebas dan GERAKAN telah memilih jalan yang benar untuk meninggalkan Barisan Nasional kerana isu korupsi yang kritikal termasuk kes-kes penyelewengan berprofil tinggi oleh pemimpin kanan gabungan tersebut memberi kesan kepada kepercayaan rakyat terhadap kita. GERAKAN pada masa itu membuat penilaian rapi dan telah mengambil keputusan untuk kekal kepada misi dan objektif penubuhan parti, iaitu bersama rakyat, untuk rakyat! Kita meninggalkan gabungan tersebut.

MENEMBUSI KEGELAPAN DALAM POLITIK DAN Mencari JALAN Keadilan

Saudara dan saudari sekalian, saya ingin menekankan kepada konsep "*Plan, Do, Check & Action*". Saya percaya bahawa perancangan yang baik adalah amat penting untuk membawa kita ke arah yang ingin kita tuju. Walaupun GERAKAN bertemu dengan titik yang gelap pada suatu ketika dahulu, kejadian tersebut telah menjadi titik permulaan GERAKAN yang baru dengan azam yang lebih kukuh untuk mengubah peranan parti ke arah yang benar. Bak kata pepatah, membujur lalu melintang patah. Walau besar mana pun rintangan yang datang melanda, kalau kita kekal teguh dengan pendirian yang betul, saya percaya yang kita boleh merintangi susah senang bersama!

Hadirin yang dihormati, seperti yang dikatakan di dalam pepatah tadi, GERAKAN tidak putus asa dan kekal berdiri teguh di dalam arus perdana politik negara. Pada November 2019, Pilihan Raya Kecil Tanjung Piai diadakan susulan penyandangannya telah meninggal dunia. GERAKAN telah meletakkan calonnya bagi memberikan alternatif kepada pengundi Parlimen Tanjung Piai. Ini merupakan kali pertama GERAKAN bertanding menggunakan logo, bendera dan nama parti kita sendiri setelah hampir lima dekad menggunakan bayangan gabungan lain. Walaupun kita kalah dalam PRK tersebut, kita tidak berputus asa untuk meneruskan misi parti dalam membantu rakyat mewakili suara

mereka dalam sistem negara. Setelah selesai kita lakukan '*post-mortem*' daripada PRK di Tanjung Piai, GERAKAN telah sepakat bersetuju untuk bekerjasama dengan Perikatan Nasional yang merupakan gabungan parti yang ketiga, yang baru dan sedia kepada penjernihan politik kebangsaan. Selain memastikan ketiadaan unsur korupsi dan '*abang besar*', kita juga mahukan nilai dan perjuangan yang sama, dan jaminan perjuangan yang diketengahkan adalah untuk kebaikan rakyat dan bukanlah kepentingan mana-mana individu semata-mata.

Dengan usaha kolaborasi yang baru, saya percaya ini merupakan era yang progresif untuk Parti Gerakan Rakyat Malaysia. GERAKAN mula bertanding menggunakan logo dan bendera Perikatan Nasional di Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka. GERAKAN berjaya memperolehi 11.2% daripada jumlah keseluruhan pengundi di kawasan yang ditandingi. Kita juga telah berjaya memperolehi peningkatan kerusi bertanding daripada 1 kepada 5 kerusi DUN.

Sejurus selepas PRN Melaka, GERAKAN juga telah mengambil bahagian dalam PRN Johor tahun lepas. Dengan bangganya, saya ingin memberikan sedikit pendapat tentang pendekatan kita kepada hadirin sekalian. GERAKAN telah berjaya memperolehi purata bahagian undi sebanyak 16.19% dan bertanding daripada 2 kepada 8 kerusi DUN. Berbanding PRN Melaka 2022, GERAKAN telah memperolehi peningkatan undi sebanyak 4.48%. Jangan sesekali rumuskan belasan peratus ini remeh, ia agak signifikan untuk GERAKAN bangkit semula.

Saudara dan saudari sekalian, Malaysia baru sahaja melalui PRU15 pada tahun lepas. Di bawah payung Perikatan Nasional, GERAKAN telah berjaya menaikkan kadar kerusi bertanding daripada 12 ke 20 kerusi Dewan Rakyat. Kadar yang telah saya sebutkan mungkin kedengaran kecil akan tetapi hendaklah saya maklumkan, kemenangan kecil ini adalah kemajuan yang penting untuk parti. Walaupun kita tidak menang, namun jumlah ini adalah cerminan bagi kita untuk berusaha dengan lebih kuat dan ini hanyalah titik permulaan dalam menghadapi rintangan yang lebih mencabar dalam mendekati kepercayaan rakyat.

GERAKAN TIDAK AKAN PUTUS USAHA

Pada November 2021, saya diamanahkan dengan pelantikan sebagai ahli Dewan Negara. Sepanjang sesi yang telah diadakan, saya menggunakan dewan tertinggi tersebut untuk membawa suara, aspirasi dan kritikan rakyat kepada perhatian pihak pemerintah. Hampir setiap hari semasa persidangan, saya bangkit mengambil bahagian dalam pertanyaan-pertanyaan lisan, perbahasan rang undang-undang, dan mengikuti perkembangan perundangan dan eksekutif negara secara dekat. Walaupun GERAKAN tidak mempunyai perwakilan di Dewan Rakyat, kita tidak boleh menggunakannya sebagai alasan untuk berhenti menjalankan amanah rakyat. Sebaliknya, kita perlu menggunakan peluang yang sedia ada dan jalankan tanggungjawab kita sebagai perwakilan rakyat.

Banyak isu yang telah saya bangkitkan dalam Dewan Negara dalam setahun lebih ini, dari kebajikan rakyat sehingga perbahasan menaikkan kadar hari cuti bersalin kepada wanita yang bekerja, saya pastikan setiap perbahasan tersebut memberi impak positif kepada rakyat. Dengan ini, hadirin sekalian, saya ingin mengingatkan diri saya dan memberi jaminan kepada yang hadir pada malam ini bahawa selagi saya menyandang amanah yang telah diberikan ini, saya akan terus berusaha untuk menjaga kepentingan Bangsa Malaysia.

KELUHAN RAKYAT KAMI DENGARKAN, PERJUANGAN RAKYAT KAMI DAHULUKAN

Baru-baru ini saya terjumpa sebuah artikel yang menyentuh kepada kaji selidik yang dilakukan dalam kalangan rakyat yang menumpukan kepada pendapat dan tahap kepuasan mereka terhadap kerajaan semasa. Saudara dan Saudari sekalian, difahamkan bahawa 51% daripada keseluruhan rakyat di Semenanjung tidak berpuas hati dengan pemerintahan semasa, merangkumi 71% kaum Melayu, 20% dalam kalangan kaum Cina, dan 20% masyarakat India berpendapat kurang memuaskan terhadap pendekatan kerajaan. Sejajurnya, saya tidak hairan apabila mengetahui peratus ketidakpuasan tersebut. Sepanjang

pilihan raya umum, Pakatan Harapan telah banyak memberikan kata-kata dan janji yang memberi harapan palsu kepada rakyat. Tetapi selepas mereka menduduki Perdana Putra, janji mereka seolah janji kosong dan sekadar berpolitik.

Semasa kempen pilihan raya, saya masih ingat naratif yang dimainkan oleh pihak lawan dalam memancing undi. Pakatan Harapan, kononnya bersepakat untuk menarik ketua UMNO ke muka pengadilan. Tetapi selepas mereka masuk memerintah, keadilan yang dijanjikan tidak ditunaikan malahan dibenarkan untuk berlegar di lantai pemerintahan negara. LYNAS yang mereka berkempen untuk menghentikan masih lagi beroperasi. PH juga lantang bersuara tentang pemansuhan AUKU semasa berkempen, tetapi hingga kini, tiada perubahan dalam perbincangan tentang AUKU. Masalah UEC pula sudah tidak diutamakan dan masih lagi tertangguh. Beginilah rupa sebenar Pakatan Harapan yang tidak boleh diharapkan.

Pakatan Harapan juga bersifat talam dua muka. Semasa berkempen, mereka menyarankan untuk mengasingkan kuasa Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Tetapi hari ini, kedua-dua jawatan tersebut disandang oleh orang yang sama. Apa maksud anti-nepotisme mereka? Lantik anak sendiri sebagai penasihat khas?! Sentuh kepada 100 hari pertama mereka sebagai kerajaan campuran; masalah inflasi dan kos sara hidup masih lagi belum ditangani, ringgit kita pula terus menjunam selepas Bajet 2023 dibentangkan, keterjaminan makanan terus menjadi persoalan, dan banyak lagi. Apakah nasib negara kita kalau kerajaan campuran ini terus berkuasa tanpa mengambil kira keperluan asas rakyat marhaen?

Saudara dan Saudari sekalian, inilah tujuan penubuhan GERAKAN. Keluhan rakyat tidak putus kita dengarkan, perjuangan mereka akan kita sentiasa teruskan! Kalau mereka, pihak berkuasa tersilap langkah, kita tegur. Sebagai sebuah parti yang bermatlamat menjadikan rakyat sebagai keutamaan, tidak kiralah di sebelah mana GERAKAN berjuang asalkan suara rakyat terus didengar.

GERAKAN PERLU MENYIAPKAN JENTERA UNTUK PILIHAN RAYA NEGERI

Seperti mana yang kita sedang tumpukan, pilihan raya negeri di enam buah negeri akan berlangsung selepas Jun 2023. Walaupun tarikh belum dimuktamadkan lagi, ia tidak bermaksud kita tidak perlu bersedia dalam menghadapi cabaran yang dinantikan. Tumpuan utama GERAKAN dalam pilihan raya yang akan datang adalah semestinya untuk menang. Jadi, kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Kalau motif kita nak menang pilihan raya negeri akan datang, kita perlu ada strategi.

Persoalan yang kini timbul adalah, di manakah kita hendak meletakkan GERAKAN dalam gabungan Perikatan Nasional? Memandangkan BERSATU dan PAS memperjuangkan komuniti Melayu dan Islam, GERAKAN pula perlu mendekati peranan dalam mempertahankan dan memperjuangkan perwakilan komuniti bukan Melayu dan bukan Islam di Malaysia. Kita perlu menjadi pelengkap kepada perwakilan pelbagai kaum dan latar belakang dalam PN. Malangnya, Pakatan Harapan menggunakan agenda perkauman ke atas kita dan menakutkan orang ramai. Pakatan Harapan seringkali menggunakan teori Islamofobia untuk melemahkan anjakan GERAKAN. Perkara ini memberi impak yang negatif kepada GERAKAN dan PN, dan kita perlu merangka strategi yang kukuh dalam membendung dan memperbetulkan mesej tentang Islamofobia yang dikaitkan dengan PN.

Kenapa? Naratif yang tidak benar boleh mengelirukan orang ramai. Tambahan lagi dengan naratif negatif seperti Islamofobia yang dikaitkan dengan PN, rakyat akan menjadi takut dan ragu terhadap kita. Hanya disebabkan PAS bersentimenkan Islam, tidak bermaksud perjuangan mereka tidak berasaskan keperluan dan kepentingan rakyat! Jadi kita perlulah membuat sesuatu untuk memperbetulkan keadaan. Kita perlu tingkatkan penglibatan parti dengan rakyat terutamanya yang bukan Melayu/Islam, sepertimana BERSATU dan PAS mempunyai perhubungan yang kuat dengan masyarakat Melayu/Islam, dan SAPP yang bertumpukan masyarakat Sabah.

Memandangkan GERAKAN memahami dan peka terhadap keperluan masyarakat, kita boleh mempertingkatkan kesedaran tentang politik dan memperbetulkan imej Islamofobia disamping memperjuangkan keperluan rakyat sekalian. Usaha kita baru-baru ini adalah sesi dialog bertemakan menangani Islamofobia yang berlangsung di Pulau Pinang, telah menerima galakan dan permintaan yang sangat baik dan kita bercadang untuk mengadakan pendekatan tersebut di beberapa negeri yang lain seperti Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan. Ini merupakan petanda yang sangat baik kerana aktiviti sebegini menggalakkan masyarakat tempatan untuk memahami perjuangan sebenar parti-parti di bawah naungan PN terutama sekali PAS dan GERAKAN.

Jika strategi ini digunakan dengan baik, kita berpeluang untuk memenangi kerusi dalam pilihan raya negeri nanti. Kita juga bermatlamat untuk menidakkan dua pertiga majoriti dalam dewan negeri yang diperolehi oleh gabungan pemerintah sekarang. Ini bakal menjadi tamparan yang hebat terhadap kerajaan campuran jika kita boleh menang dan capai matlamat kita.

GERAKAN KE ARAH KEGEMILANGAN

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian, kita sudah hampir melangkaui masuk bulan April. Dalam sekelip mata, kita sudah menghampiri pertengahan tahun dan enam negeri terbabit akan membubarkan DUN masing-masing. Maka, sudah tiba masanya untuk kita bangkit dan membawa kegemilangan untuk GERAKAN. PRN yang bakal tiba ini adalah salah satu peluang yang tidak patut dilepaskan dan seharusnya digunakan dengan baik. Inilah peluang yang kita ada! Inilah batu lonjakan bagi Parti Gerakan Rakyat Malaysia untuk kembali mewakili rakyat di dalam DUN.

Matlamat GERAKAN dalam PRN ini adalah untuk kita menang dalam kerusi yang ditandingi serta memecahkan majoriti dua per tiga parti lawan terutamanya di DUN Pulau Pinang. Kalau tadi saya tekankan tentang kepentingan strategi, kita juga perlukan jentera yang kuat dalam menghadapi PRN. Hadirin yang dihormati, saya ingin menyeru

perhatian anda terhadap mesej yang ingin saya sampaikan. Anda sangat penting bagi GERAKAN. Kenapa? Selain daripada strategi, kita juga memerlukan tenaga dan semangat yang kuat untuk menyokong calon-calon kita yang bakal bertanding di PRN nanti. Inilah masanya untuk kita ketepikan perbezaan dan utamakan misi utama parti yang ingin memperjuangkan suara dan kepentingan rakyat. Marilah kita turun padang dan berkempen bersama calon-calon Perikatan Nasional dalam PRN nanti.

Jadikanlah kemenangan kita dalam PRN sebagai fokus utama kita untuk tahun ini. Sudah termaktub sebagai tanggungjawab kita semua untuk bersama membantu GERAKAN bangkit semula dan kekal teguh di dalam arena politik perdana. Ahli parti perlu ingat bahawa kita masih berperanan sebagai suara ketiga dalam sistem politik negara. Walaupun kita merupakan sebahagian dalam Perikatan Nasional, setiap pendekatan kita berteraskan suara ketiga, mengutamakan kemajmukan dan bersatu dalam mengambil penyelesaian terbaik bagi semua. Rakan-rakan kita dalam PN menerima baik pendekatan ini dan berpendapat ianya penting bagi memberikan sebuah corak politik yang progresif dengan mengekalkan identiti negara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya berterima kasih kepada hadirin sekalian. Saya amat mengalu-alukan pendapat dan kritikan daripada semua pihak dan berharap anda semua akan menggunakan saluran yang betul dalam mengetengahkan sebarang perkara yang melibatkan parti. Hari ini, kita sekali lagi berkumpul untuk parti yang kita cintai ini, kita kena kembalikan semangat utuh kita dan gerak ke hadapan dalam menjayakan objektif parti, bersama rakyat.

AYUH KITA KEKALKAN SEMANGAT SATU HATI MENGHADAPI PRN NANTI!

SATU HATI, SATU HATI, SATU HATI !

Sekian, Terima Kasih.